



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 12 – 14 OKTOBER 2021

BIL. 47 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 14 Oktober 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,240,345** atau 94.5 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **101,687 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **8,084 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,369,613 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.7 peratus** atau **8,063 kes** daripada catatan harian dengan **94.2 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 21 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **37.6 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.9 peratus), Zon Utara (16.7 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (11.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan di **Selangor** iaitu **1,630 kes** disusuli oleh Sarawak (1,061 kes), Kelantan (896 kes), Johor (804 kes), Sabah (691 kes), Pulau Pinang (587 kes) dan Terengganu (452 kes). Sejumlah **27,581 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **88 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 13 Oktober 2021 menunjukkan seramai **24,620,890** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,524,996** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2,965,211). Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor dengan 2,860,404, Sabah (2,281,494), Sarawak (2,104,183), Perak (1,776,750) dan Pulau Pinang (1,442,604). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 46.36 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - **USA:** **Bank Pusat USA** mungkin akan mengurangkan sokongannya **terhadap ekonomi bulan hadapan** walaupun penurunan pekerjaan yang mendadak telah berlaku bulan lalu apabila kes COVID-19 yang

mulai surut. Walaupun majikan menambahkan 194,000 pekerjaan pada bulan September, data bulan sebelumnya menunjukkan bahawa ekonomi telah kembali separuh dari defisit pekerjaan yang dihadapinya pada bulan Disember, dibandingkan dengan tingkat pekerjaan sebelum pandemik. (Reuters)

- USA: **Inventori sub-sektor borong melonjak pada bulan Ogos walaupun inventori kenderaan tetap sangat rendah** kerana kekurangan cip global yang menghalang pengeluaran kenderaan bermotor. Commerce Department melaporkan bahawa inventori borong meningkat 1.2% bulan ke bulan seperti yang dianggarkan bulan lalu. Inventori borong meningkat 12.3% pada Ogos berbanding tahun sebelumnya. (Reuters)
- EU: **Eksport Germany jatuh pada Ogos.** Laporan dari DESTATIS menunjukkan eksport menurun -1.2% bulan ke bulan pada bulan Ogos, berbanding dengan kenaikan 0.6% pada bulan Julai. Penganalisis ekonomi telah meramalkan pertumbuhan bulanan sebanyak 0.5%. Pada masa yang sama, import melonjak 3.5%, susulan penurunan -3.6% pada bulan sebelumnya. Hasilnya, lebihan perdagangan merosot kepada EURO 13.0 bilion yang disesuaikan secara bermusim daripada EURO 17.7 bilion pada bulan sebelumnya. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan eksport meningkat kepada 14.4% daripada 12.5% pada bulan Julai. Begitu juga, pertumbuhan import meningkat kepada 18.1% daripada 16.9%. (RTT)
- UK: **Bank of England (BoE) meningkatkan isyarat kenaikan kadar faedah dengan segera.** BoE telah mengingatkan isi rumah untuk bersiap untuk kenaikan "jauh lebih awal" daripada yang difikirkan sebelumnya. (Bloomberg)
- TAIWAN: **Eksport pada September melonjak dan prospek lebih kukuh dilihat.** Eksport Taiwan meningkat untuk bulan ke-15 berturut-turut pada bulan September, lebih kuat dari yang dijangkakan. Peningkatan ini disokong oleh permintaan yang berterusan di tengah kekurangan cip komputer global dan untuk elektronik pengguna. Eksport pada bulan September adalah angka bulanan tertinggi yang direkodkan, meningkat 29.2% dari tahun sebelumnya kepada USD39.65 bilion. Penganalisis dalam tinjauan Reuters telah meramalkan kenaikan 25% untuk bulan September, dibandingkan dengan kenaikan 26.9% pada bulan Ogos. (Reuters)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Keseluruhan **ekonomi domestik** dijangka **dibuka** sepenuhnya pada **akhir tahun ini**, sebelum kembali kepada pertumbuhan sebelum wabak pada tahun 2022. **Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia** masing-masing **diramalkan** pada **5.8 peratus** dan **6 peratus** oleh Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).
2. **Kerajaan** akan memberi **penekanan utama** untuk **mengembangkan pertumbuhan Malaysia dalam Belanjawan 2022** yang akan datang ketika negara bergerak ke arah pemulihan dan peralihan daripada pandemik COVID-19. Keutamaan diberikan kepada **perusahaan mikro, kecil dan sederhana** (PMKS), **pendigitalan** dan **agenda wanita** dalam Belanjawan 2022 yang bakal melengkapkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).
3. Keputusan **kerajaan memberi kebenaran** untuk mereka yang menerima **vaksinasi lengkap** untuk melakukan **pergerakan rentas negeri** memberikan **sinar kepada perniagaan** berkaitan **pelancongan** seperti hotel, pusat peranginan, inap desa, restoran, pengangkutan dan pusat rekreasi serta agensi pengembaraan untuk menambahkan pendapatan yang selama ini terjejas akibat COVID-19.
4. **Peningkatan penyertaan** dari kalangan **syarikat tempatan** dalam rantaian nilai **industri elektrik dan elektronik** (E&E) akan **melonjakkan lagi prestasi perdagangan Malaysia** dan **mengurangkan aliran keluar mata wang** dalam bergerak ke hadapan. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) sehingga kini, semakin banyak syarikat tempatan telah memulakan perniagaan mereka selepas memperoleh kemahiran teknikal dan pengetahuan semasa berkhidmat dengan syarikat multinasional (MNC).
5. **Subsektor kenderaan bermotor** **merosot -57.6 peratus** atau RM7.9 bilion untuk mencatatkan RM5.8 bilion pada **Ogos 2021**. **Perdagangan runcit** juga turun **-7.5 peratus** atau RM3.4 bilion kepada RM42.3 bilion. Ini diikuti oleh **perdagangan borong** yang turun **-0.1 peratus** untuk mencapai RM51.9 bilion.
6. **Pengembangan kapasiti yang agresif** oleh **pengeluar sarung tangan** dari **China** akan mengakibatkan **lebihan bekalan pada 2023** sekali gus menjadi **ancaman kepada pengeluar tempatan**. Ancaman itu tidak boleh dipandang rendah kerana mengikut pemain industri, pengeluar sarung tangan **China** dijangka **menyumbang** kepada **23 peratus penguasaan pasaran dunia pada tahun depan** berbanding 16 peratus ketika ini. Manakala penguasaan pasaran oleh pengeluar dari **Malaysia** pula dijangka akan **menguncup kepada 60 peratus** pada 2022 daripada 67 peratus ketika ini.

7. **Peningkatan kadar vaksinasi** di seluruh dunia telah menyebabkan **permintaan sarung tangan getah menurun** dibandingkan dengan fasa pandemik sebelum ini. Justeru, ini mengakibatkan harga penjualan sarung tangan telah menjadi sederhana.
8. **Harga minyak mentah** Brent dan West Texas Intermediate (WTI) telah melepas AS \$ 80 (RM333) setong, **meningkat lebih dari 60 peratus** dari tahun ke tahun berikutan **bekalan yang terhad** dan **permintaan yang kukuh** susulan **pembukaan semula ekonomi**. Lebihan perdagangan minyak dan gas adalah RM26.6 bilion pada bulan Ogos, meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik berbanding negara ASEAN dalam persekitaran harga minyak yang semakin meningkat.
9. **Kumpulan UMW** mencatatkan **lonjakan ketara jualan automotif** pada **September**, **naik lebih 100 peratus** berbanding hanya 9,512 unit pada Ogos. Ia susulan **pembukaan semula operasi secara beransur-ansur** serta **kelonggaran terhadap sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP)** mulai 16 Ogos 2021. UMW Corp Sdn Bhd akan terus meningkatkan jumlah pengeluaran bagi mempercepatkan penghantaran pesanan yang tergendala.
10. Kerajaan **Arab Saudi** dilapor **menbenarkan individu** yang mengambil suntikan **vaksinasi Sinovac** **menunaikan umrah**, dengan **syarat** mendapatkan **dos ketiga** seperti mana ditetapkan. Syarat pengambilan dos penggalak itu hanya dikenakan kerajaan Arab Saudi kepada vaksin jenis Sinovac.
11. **Malaysia Airlines Bhd (MAB)** mengunjurkan **operasi akan berjalan lancar** serta **tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja** selepas pergerakan merentas negeri dibenarkan bermula 11 Oktober. MAB kini mempunyai kira-kira **11,000 pekerja termasuk 1,049 juruterbang dan 2,034 kru kabin**.
12. **Selangor** mencatatkan **kadar pengangguran 4.4 peratus** atau **165 ribu penganggur** pada Jun 2021. Justeru, kerajaan negeri menganjurkan **program Jelajah Selangor Bekerja 2021** yang menyediakan **25 ribu peluang pekerjaan** meliputi sektor **perkhidmatan, pembuatan, elektronik** dan sebagainya yang melibatkan kira-kira **200 syarikat**.
13. Sebanyak **37,415 usahawan terpaksa gulung tikar** sepanjang tempoh pandemik. Ia melibatkan **26,007 usahawan mikro** manakala **2,738** adalah **perusahaan kecil dan sederhana (PKS)**.

14. Harga runcit **petrol RON95 dan diesel kekal** pada harga **RM2.05 seliter** dan **RM2.15 seliter** bagi tempoh bermula esok sehingga 20 Oktober ini. Harga runcit **petrol RON97 naik 10 sen** kepada harga RM2.87 seliter berbanding RM2.77 seliter minggu lalu. Kerajaan **mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter** bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.
15. Malaysia Airlines menawarkan **tiket penerbangan serendah RM59 sehala** serta **diskaun sehingga 50 peratus** bagi pakej MHoliday sempena dengan kebenaran rentas negeri yang diberikan kerajaan. AirAsia menawarkan **tambang rendah dari RM12 dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, Johor Bahru, Terengganu dan Kota Bharu.**
16. **Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kembali ke kampus** bermula 15 Oktober 2021 untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka selepas **beberapa bulan mengikuti kelas secara maya** akibat penularan pandemik COVID-19.
17. **Pahang** disasarkan menjadi antara **pengeluar utama cendawan tiram kelabu negara** melalui projek penanaman cendawan berkenaan yang sedang giat diusahakan oleh **ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)** seluruh negeri.

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jualan runcit, borong susut 10.2 peratus pada Ogos</p> <p>Perdagangan borong dan runcit Malaysia terus mencatatkan penyusutan 10.2 peratus tahun ke tahun kepada RM100 bilion pada Ogos 2021, pertumbuhan negatif dua digit ketiga berturut-turut.</p> <p>Walaupun terus susut, tetapi nilai jualan sektor ini tumbuh 7.9 peratus bulan ke bulan. Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan meningkat 7.9 peratus, didorong oleh kebenaran beroperasi semula 11 sektor ekonomi dan pengedaran di negeri Fasa Satu dan Fasa Dua di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/875383/jualan-runcit-borong-susut-102-peratus-pada-ogos
2.	The Edge Market 13 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia not spared from global supply chain disruptions — transport minister</p> <p>Malaysia had to implement several port clearing exercises last year and in 2021 to prevent congestion at ports nationwide, especially at Port Klang, Port of Tanjung Pelepas, Johor Port and Penang Port.</p> <p>All loading and unloading activities for import and export purposes were allowed to operate 24 hours a day</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-not-spared-global-supply-chain-disruptions-%E2%80%94-transport-minister

		throughout the week including for non-essential items, with strict compliance to National Security Council's standard operating procedures.	
3.	Berita Harian 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MAHB tingkatkan SOP di lapangan terbang</p> <p>Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) akan mempertingkatkan semua prosedur operasi standard (SOP) untuk pemulihan yang dapat dikekalkan dan secara berterusan dalam industri penerbangan sebagai persediaan kepada jumlah pergerakan penumpang dalam beberapa bulan akan datang.</p> <p>Walaupun jumlah penumpang yang rendah, lapangan terbang di seluruh negara tetap beroperasi sepanjang tempoh pandemik tersebut dan menggunakan masa itu untuk memastikan pengalaman lapangan terbang yang selamat sebagai persediaan bagi pembukaan semula perjalanan udara.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/876184/mahb-tingkatkan-sop-di-lapangan-terbang
4.	The Edge Market 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Tengku Zafrul: Malaysia on the cusp of recovery</p> <p>Several factors that showed that green shoots of recovery have emerged in the economy, such as the stronger gross domestic product growth in the second quarter of 2021, improvements in the labour market with unemployment rate</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/tengku-zafrul-malaysia-cusp-recovery

	improving to 4.6% in August 2021 from 5.3% at the height of the pandemic, a 6.8% year-on-year (y-o-y) increase in manufacturing sales value to RM126.5 billion as at August 2021 and a 23% y-o-y increase in exports to RM97.3 billion in August 2021.	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Subsektor kenderaan bermotor merosot 57.6 peratus atau RM7.9 bilion untuk mencatatkan nilai sebanyak RM5.8 bilion pada Ogos 2021. Perdagangan runcit juga turun 7.5 peratus atau RM3.4 bilion kepada RM42.3 bilion. Ini diikuti oleh perdagangan borong yang turun 0.1 peratus untuk mencapai RM51.9 bilion.
2. Walaupun jumlah penumpang yang rendah, lapangan terbang di seluruh negara tetap beroperasi sepanjang tempoh pandemik.
3. *The overall domestic economy is expected to be fully reopened by the end of this year, before resuming to pre-pandemic growth in 2022. Malaysia's growth rate has been projected at 5.8% and 6% by the World Bank and IMF, respectively.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Perdagangan borong dan runcit adalah penyumbang terbesar kepada sektor Perkhidmatan negara. Berdasarkan perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, subsektor perdagangan borong mencatatkan pertumbuhan negatif 0.1% (Q121: -13.2%) manakala sektor perdagangan runcit turun merosot 7.2% (Q121: -7.1%) pada ST2 2021.
2. Aktiviti pengangkutan udara adalah antara aktiviti yang terjejas berikutan langkah Kerajaan yang melaksanakan PKP. Pada ST2 2021, sektor pengangkutan & penyimpanan mencatatkan pertumbuhan negatif 5.2 peratus (Q121: -3.0%).
3. Pembukaan ekonomi secara berperingkat berikutan peningkatan kadar vaksinasi dalam negara dan dapat membantu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara. Pada ST2 2021, ekonomi Malaysia merekodkan pertumbuhan positif 16.1 peratus daripada penurunan marginal 0.5 peratus

<p>pada ST1 2021. Kesemua sektor utama kecuali pertanian mencatatkan pertumbuhan positif dua digit.</p>			
B.	Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Utusan Malaysia 11 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Penerima Sinovac perlu dos penggalak untuk tunai umrah Kerajaan Arab Saudi dilapor membenarkan individu yang mengambil suntikan vaksinasi Sinovac menunaikan umrah, dengan syarat mendapatkan dos ketiga seperti mana ditetapkan. Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji Malaysia (PAPUH), Datuk Seri Razali Mohd Sham, berkata syarat pengambilan dos penggalak itu hanya dikenakan kerajaan Arab Saudi kepada vaksin jenis Sinovac.	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875417/penerima-sinovac-perlu-dos-penggalak-untuk-tunai-umrah
2.	Berita harian 12 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Kebenaran rentas negeri hidupkan semula pelancongan, ekonomi Keputusan kerajaan memberi kebenaran untuk mereka yang menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri bermula, memberikan sinar dalam menghidupkan kembali sektor pelancongan domestik yang terjejas akibat pandemik ini hampir dua tahun yang lalu. Kebenaran rentas negeri ini memberi peluang kepada perniagaan berkaitan pelancongan seperti hotel, pusat peranginan, inap desa, restoran,	https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/10/875208/kebenaran-rentas-negeri-hidupkan-semula-pelancongan-ekonomi

		<p>pengangkutan dan pusat rekreasi untuk menambahkan pendapatan yang selama ini terjejas akibat penutupan berkenaan.</p>	
3.	Astro Awani 13 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Langkawi sedia terima kehadiran pelancong antarabangsa</p> <p>Pulau peranginan popular, Langkawi sedia menerima kehadiran pelancong antarabangsa susulan kejayaan yang dicapai dalam projek rintis Gelembung Pelancongan sejak 16 September lalu. Keyakinan itu bertitik tolak pada rekod kehadiran 80,894 pelancong domestik selama 25 hari menerusi program Gelembung Pelancongan. Penjanaan ekonomi sebanyak RM33 juta oleh Langkawi sepanjang tempoh Gelembung Pelancongan membuatkan pulau itu sangat optimis untuk menerima pelancong antarabangsa.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/langkawi-sedia-terima-kehadiran-pelancong-antarabangsa-325224
4.	Utusan Malaysia 13 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Lebih setengah juta jemaah umrah Malaysia tunggu giliran</p> <p>Lebih setengah juta bakal jemaah umrah dari negara ini diminta bersabar menunggu tempoh giliran sebelum dapat menunaikan ibadah tersebut di Tanah Suci. Bercakap kepada Utusan Malaysia, Presiden Persatuan Agensi Pelancongan Umrah dan Haji Malaysia (Papuh), Datuk Seri Razali Mohd. Sham berkata, angka jemaah umrah itu bagaimanapun dijangka berkurangan susulan pelbagai</p>	https://www.utusan.com.my/berita/2021/10/lebih-setengah-juta-jemaah-umrah-malaysia-tunggu-giliran/

		syarat ketat dikenakan kerajaan Arab Saudi termasuk had umur.	
5.	Utusan malaysian 14 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	Menitis air mata dapat pergi umrah Kumpulan pertama jemaah umrah dari negara ini yang berlepas ke tanah suci semalam sebak dan menitiskan air mata selepas hampir dua tahun hajat ke tanah suci tertangguh. Mereka merupakan 11 jemaah yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pukul 7.50 malam. Perasaan gembira, teruja dan sebak dapat dilihat dari raut wajah para jemaah umrah pertama.	https://www.utusan.com.my/nasional/2021/10/menitis-air-mata-dapat-pergi-umrah/?fbclid=IwAR0R7bDKHxUnGUiJDNrIvmJTPJB9qC2Ia3K2N_ddFsqbs7WnF0SGgU9aU
6.	Utusan Malaysia 14 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	Emraz muncul agensi pertama hantar jemaah umrah Malaysia ke Tanah Suci Setelah hampir dua tahun terkandas, kumpulan pertama bakal jemaah umrah dari Malaysia mula berlepas ke Tanah Suci di Arab Saudi, hari ini bagi menunaikan ibadah itu. Mereka terdiri daripada sembilan peserta selain dua petugas dari agensi umrah dan ziarah terkenal tempatan, Emraz Travel & Tours Sdn. Bhd. yang berpangkalan di Putrajaya.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/emraz-muncul-agensi-pertama-hantar-jemaah-umrah-malaysia-ke-tanah-suci/

7.	Utusan Malaysia 14 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Bumitra tawar baucar pelancongan sebagai ganti <p>Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputra Malaysia (Bumitra) berharap, pelanggan yang telah membayar duit pakej umrah, dapat bertolak ansur dengan menerima tawaran baucar pelancongan sebagai ganti wang tunai. Presiden Bumitra, Harun KC Ahmu berkata, sekiranya semua pelanggan membuat tuntunan pulangan wang tunai, banyak syarikat agensi pelancongan yang tidak mampu dan kemungkinan besar akan ‘gulung tikar’.</p>	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2021/10/bumitra-tawar-baucar-pelancongan-sebagai-ganti/
B. Subsektor Kesihatan			
8.	CodeBlue (HIMSS) 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	COVID-19 Boosters for High-Risk Pfizer Recipients Pending Mix-And-Match Study <p>The government today rolled out boosters of Pfizer-BioNTech's COVID-19 vaccine for the elderly, health care staff and frontline workers who were double vaccinated with the mRNA shot.</p> <p>Health Minister Khairy Jamaluddin said the boosters which are meant to curbwaning immunity would be offered to eligible recipients at least six months after their second jab via the MySejahtera app, or SMSes or phone calls by vaccination centres (PPVs) to those who do not have the app.</p>	https://codeblue.galencentre.org/2021/10/13/covid-19-boosters-for-high-risk-pfizer-recipients-pending-mix-and-match-study/

9.	Harian Metro 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Langkah proaktif imbangi jumlah pakar perubatan, populasi negara Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan jumlah pakar perubatan sedia ada dapat mengimbangi populasi di negara ini, persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini. Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata buat masa ini KKM mempunyai 6,012 pakar dengan 5,953 adalah pakar berstatus tetap manakala hanya 19 orang berstatus kontrak.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/7649271/langkah-proaktif-imbangi-jumlah-pakar-perubatan-populasi-negara
10.	The Edge 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Malaysia to invest in digitalisation of mental health services, says Khairy Malaysia will invest more to improve the digitalisation of mental health services with the usage of technology to expand the reach. Health Minister Khairy Jamaluddin said in making mental health care more ubiquitous and accessible, new methods of delivering mental health services must be developed. Khairy said between January and July this year, data from the Royal Malaysia Police showed 638 suicides compared to 262 cases during the same period last year.	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-invest-digitalisation-mental-health-services-says-khairy
11.	The Edge 14 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	COVID-19 self-test kits set to be sold in supermarkets, chain stores this month, says Nanta The COVID-19 antigen rapid test kits (self-test) are expected to be	https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-selftest-kits-set-be-sold-supermarkets-

		<p>sold in supermarkets and chain stores this month, said Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs Datuk Seri Alexander Nanta Linggi. This, he said, is because the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry (KPDNHEP) and the Ministry of Health (MOH) are at the final stage of discussion regarding the matter. The self-test kits are currently sold at all registered community pharmacies or health facilities nationwide.</p>	<u>chain-stores-month-says-nanta</u>
12.	The Edge 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Govt spent RM4.64 bil to buy 87.9 mil COVID-19 vaccine doses</p> <p>The government has ordered a total of 87.9 million doses of COVID-19 vaccines as of Sept 13, with an estimated cost of RM4.64 billion covering vaccine costs and logistics. Of the 87.9 million doses of vaccines, 44.8 million doses were the US' Pfizer vaccine, 20.4 million were China's Sinovac vaccine, 6.4 million doses were AstraZeneca vaccine provided by COVID-19 Vaccines Global Access (COVAX) facility, 6.4 million doses were obtained from Oxford-AstraZeneca, 6.4 million doses were Gamaleya's Sputnik V, while 3.5 million doses were from Cansino Biologics Inc. The Pfizer, AstraZeneca, Sinovac and Sputnik V vaccines require two doses while only the Cansino vaccine requires one dose.</p>	<u>https://www.theedgemarkets.com/article/govt-spent-rm464-bil-buy-879-mil-covid19-vaccine-doses</u>

Penemuan penting & isu:

1. Sektor pelancongan telah dibuka semula dan sempadan antarabangsa telah dibuka kepada bagi rakyat ke luar negara.
2. Kerajaan Arab Saudi dilapor membenarkan individu yang mengambil suntikan vaksinasi Sinovac menunaikan umrah, dengan syarat mendapatkan dos ketiga seperti mana ditetapkan.
3. Keputusan kerajaan memberi kebenaran untuk mereka yang menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri bermula, memberikan sinar kepada perniagaan berkaitan pelancongan seperti hotel, pusat peranginan, inap desa, restoran, pengangkutan dan pusat rekreasi, agensi pengembalaan untuk menambahkan pendapatan yang selama ini terjejas akibat COVID-19.
4. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah dimulakan pada 24 Februari 2021. Sehingga 12 Okt, sebanyak 94.9 peratus populasi dewasa telah menerima satu dos vaksin COVID-19 manakala 90.6 peratus populasi dewasa telah menerima dos lengkap.
5. *The government today rolled out boosters of Pfizer-BioNTech's COVID-19 vaccine for the elderly, health care staff and frontline workers who were double vaccinated with the mRNA shot.*
6. KKM mempunyai 6,012 pakar dengan 5,953 adalah pakar berstatus tetap manakala hanya 19 orang berstatus kontrak.
7. *Malaysia will invest more to improve the digitalisation of mental health services with the usage of technology to expand the reach. Data from the Royal Malaysia Police showed 638 suicides compared to 262 cases during the same period last year (January-July).*
8. *The COVID-19 antigen rapid test kits (self-test) are expected to be sold in supermarkets and chain stores this month. Currently it sold at all registered community pharmacies or health facilities nationwide.*
9. *The government has ordered a total of 87.9 million doses of COVID-19 vaccines as of Sept 13, with an estimated cost of RM4.64 billion covering vaccine costs and logistics.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Prestasi industri agensi pengembalaan dijangka meningkat bagi suku tahun ketiga disebabkan pembukaan sektor pelancongan domestik serta pembukaan sempadan bagi ke luar negara.

2. Berdasarkan senarai dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dikemaskini sehingga 25 Ogos 2021, terdapat 47 buah fasiliti kesihatan swasta yang menjalankan ujian rt-pcr bagi COVID-19 (MSIC 86902- Makmal Perubatan di bawah Aktiviti Kesihatan Lain).

C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Syarikat sarung tangan China mula kuasai pasaran</p> <p>Pengembangan kapasiti yang agresif oleh pengeluar sarung tangan dari China akan mengakibatkan lebihan bekalan pada 2023 sekali gus menjadi ancaman kepada pengeluar tempatan.</p> <p>Ancaman itu tidak boleh dipandang rendah kerana mengikut pemain industri, pengeluar sarung tangan China dijangka menyumbang kepada 23 peratus penguasaan pasaran dunia pada tahun depan berbanding 16 peratus ketika ini.</p> <p>Manakala penguasaan pasaran oleh pengeluar dari Malaysia pula dijangka akan menguncup kepada 60 peratus pada 2022 daripada 67 peratus ketika ini.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/875328/syarikat-sarung-tangan-china-mula-kuasai-pasaran
2.	The SunDaily 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Malaysia to gain from surging oil prices</p> <p>Brent and West Texas Intermediate (WTI) crude oil prices have surpassed US\$80 (RM333) per barrel, rising by more than 60% year-to-date due to supply constraints and surging demand amid economic reopening.</p>	https://www.thesundaily.my/business/malaysia-to-gain-from-surging-oil-prices-ND8454971

	<p>A sizeable oil and gas trade surplus at RM26.6 billion in August places Malaysia in an advantageous position compared to its Asean peers in a rising oil price environment.</p> <p>The largest chunk of the energy trade surplus was contributed by LNG at RM21.5 billion followed by crude petroleum at RM3.7 billion, and a rare surplus in petroleum products RM1.6 billion.</p> <p>With demand growing as economies recover from pandemic lows, it reported the Organisation of the Petroleum Exporting Countries and allied producers (Opec+), is sticking to plans to gradually bring back output, rather than quickly boost supply.</p>	
Penemuan penting & isu:		
<ol style="list-style-type: none"> 1. Pengembangan kapasiti yang agresif oleh pengeluar sarung tangan dari China akan mengakibatkan lebihan bekalan pada 2023 sekali gus menjadi ancaman kepada pengeluar tempatan. Ancaman itu tidak boleh dipandang rendah kerana mengikut pemain industri, pengeluar sarung tangan China dijangka menyumbang kepada 23 peratus penguasaan pasaran dunia pada tahun depan berbanding 16 peratus ketika ini. Manakala penguasaan pasaran oleh pengeluar dari Malaysia pula dijangka akan menguncup kepada 60 peratus pada 2022 daripada 67 peratus ketika ini. 2. Harga minyak mentah Brent dan West Texas Intermediate (WTI) telah melepas AS \$ 80 (RM333) setong, meningkat lebih dari 60 peratus dari tahun ke tahun berikutan bekalan yang terhad dan permintaan yang kukuh susulan pembukaan semula ekonomi. Lebihan perdagangan minyak dan gas adalah RM26.6 bilion pada bulan Ogos, meletakkan Malaysia dalam kedudukan yang baik berbanding negara ASEAN dalam persekitaran harga minyak yang semakin meningkat. Sebahagian besar lebihan perdagangan tenaga disumbangkan oleh gas asli cecair (LNG) pada RM21.5 bilion diikuti 		

<p>oleh petroleum mentah (RM3.7 bilion), dan lebihan produk petroleum (RM1.6 bilion).</p> <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Eksport sarung tangan getah bagi Ogos 2021 adalah RM3,821.0 juta dan menyusut RM54.0 juta atau 1.4 peratus bulan ke bulan. Malaysia mengeksport sebanyak 69.9 ribu tan metrik sarung tangan getah dan meningkat 9.6 ribu tan metrik atau 16.0 peratus berbanding bulan sebelumnya. Eksport sarung tangan getah menyumbang 4.0 peratus kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia. Amerika Syarikat merupakan destinasi utama eksport sarung tangan getah bagi Ogos 2021 sebanyak RM26.1 juta atau 23.7 peratus, diikuti oleh India (RM10.7 juta atau 9.8 peratus) dan Itali (RM5.8 juta atau 5.3 peratus). Nilai eksport gas asli cecair bagi Ogos 2021 adalah RM3,545.0 juta dan meningkat RM336.0 juta atau 10.5 peratus bulan ke bulan. Eksport petroleum mentah pula adalah RM1.8 juta (+RM52.0 ribu atau +2.8 peratus) dan eksport keluaran petroleum bertapis adalah RM6,515.0 juta (-RM3,226.0 juta atau -33.1 peratus). Volum eksport gas asli cecair adalah 2.1 juta tan metrik (+99.0 ribu tan metrik atau +4.9 peratus) manakala volum eksport petroleum mentah dan keluaran petroleum bertapis pula adalah 805.0 ribu tan metrik (-22.0 ribu tan metrik atau -2.6 peratus) dan 2.6 juta tan metrik (-1.7 juta tan metrik atau -40.2 peratus). Eksport keluaran petroleum bertapis menyumbang 6.8 peratus kepada keseluruhan nilai eksport diikuti oleh gas asli cecair (3.7 peratus) dan petroleum mentah (2.0 peratus). 			
D.	Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Sinar Harian 13 Oktober 2021 <i>(Non-essential)</i>	Operasi sektor pembinaan tidak perlu lagi surat kebenaran CIMS Semua operasi dalam sektor pembinaan tidak lagi memerlukan surat kebenaran melalui Sistem Pengurusan Pintar COVID-19 (CIMS) 3.0, susulan kebenaran merentas negeri bagi mereka yang telah menerima vaksinasi lengkap.	https://www.sinarhari-an.com.my/article/166796/BERITA/Nasional/Operasi-sektor-pembinaan-tidak-perlu-lagi-surat-kebenaran-CIMS

2.	Berita Harian 13 Oktober 2021 <i>(Non-essential)</i>	Projek Lebuh Raya Pan Borneo diberi lanjutan masa <p>Kementerian Kerja Raya (KKR) memberi lanjutan masa (EOT) tertentu kepada kontraktor pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak yang terkesan akibat pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875716/projek-lebuh-raya-pan-borneo-diberi-lanjutan-masa
----	---	---	---

Penemuan penting & isu:

1. Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof menjelaskan operasi dalam sektor pembinaan masih tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara (PPN) semasa. Semua pekerja hendaklah dipastikan bebas daripada COVID-19 sebelum dibenarkan bekerja di tapak bina. Majikan perlu memastikan semua pekerja mengimbas MySejahtera atau mengisi buku kehadiran sebelum memulakan kerja setiap hari.
2. Timbalan Menteri, Datuk Arthur Joseph Kurup memaklumkan wabak itu memberi kesan terhadap kemajuan kerja serta kos pembinaan projek lebuh raya itu sebagaimana yang turut dialami projek lain kerajaan. Sehubungan itu, beliau berkata, kementerian melaksanakan beberapa langkah mitigasi bagi memastikan kelancaran projek berkenaan yang kini dijangka siap sepenuhnya pada September tahun depan. Pelbagai pelan mitigasi sedang dilaksanakan, antara lain penyelarasan semula jadual pembinaan dan EOT bagi memastikan kelancaran serta kelangsungan projek itu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengoperasian aktiviti pembinaan tidak lagi memerlukan surat kebenaran daripada sistem CIMS akan merancakkan lagi sektor ini pada masa hadapan setelah kebenaran rentas negeri dibenarkan bermula 11 Oktober 2021 iaitu bagi mereka yang telah lengkap vaksin.
2. KKR telah mengambil langkah proaktif memantau prestasi kemajuan secara berterusan melalui lawatan berkala dan sesi libat urus bersama kontraktor serta perunding terbabit. Ini bagi mengenal pasti keberkesanan tindakan mitigasi dan penambahbaikan yang boleh diambil bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak. Projek Lebih Raya Pan Borneo merupakan antara projek mega di Sarawak yang sedang berjalan dengan sumbangan nilai projek yang signifikan pada suku tahun kedua 2021.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Can rubber glove newcomers still get a slice of the pandemic-driven super profits?</p> <p>As vaccination rates increase around the world, the urgency of demand for rubber gloves has slowed down compared to the earlier phase of the pandemic, with more established players already seeing the normalisation of their bottom lines, as the average selling prices of gloves moderate. Nevertheless, the group previously announced it has secured glove orders for up to September 2021, priced at up to US\$115 per 1,000 pieces, for buyers in countries like US, China, Japan, Korea, as well as countries in the Middle East. The group actively sought collaborations with buyers and end-users to achieve common sustainability goals.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/can-rubber-glove-newcomers-still-get-slice-pandemicdriven-super-profits
2.	Berita Harian 13 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Jualan kenderaan edaran UMW meningkat lebih 100 peratus</p> <p>Kumpulan UMW mencatatkan lonjakan ketara jualan automotif iaitu kepada 22,193 unit pada September, naik lebih 100 peratus berbanding hanya 9,512 unit pada Ogos. Ia susulan pembukaan semula operasi secara beransur-ansur serta kelonggaran terhadap sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP) mulai 16 Ogos 2021. UMW Corp Sdn Bhd dalam satu kenyataan hari ini berkata kedua-dua UMW Toyota Motor</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/875710/jualan-kenderaan-edaran-umw-meningkat-lebih-100-peratus

	(UMWT) dan syarikat sekutunya PERODUA, terus meningkatkan jumlah pengeluaran bagi mempercepatkan penghantaran pesanan yang tergendala. UMW mencatatkan peningkatan jualan kenderaan sebanyak tiga kali ganda kepada 8,033 unit pada September 2021 berbanding 2,524 unit yang didaftarkan pada Ogos 2021. Ini menjadikan jumlah penjualan daripada Januari sehingga September 2021 adalah sebanyak 46,118 unit, 23.5 peratus lebih tinggi berbanding 37,339 unit pada tempoh sama tahun lalu. PERODUA merekodkan jualan sebanyak 14,160 unit pada September 2021, peningkatan lebih dua kali ganda berbanding 6,988 unit pada Ogos 2021. Selain itu, seiring dengan pembukaan semula operasi automotif secara beransur-ansur, PERODUA akan meneruskan usaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan pelanggannya.	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan kadar vaksinasi di seluruh dunia telah menyebabkan permintaan sarung tangan getah menurun dibandingkan dengan fasa pandemik sebelum ini. Justeru, ini mengakibatkan harga penjualan sarung tangan telah menjadi sederhana. Walaupun begitu, sebelum ini, mereka telah mendapat pesanan sarung tangan hingga September 2021, dengan harga hingga US\$115 untuk setiap 1,000 keping, untuk pembeli dari negara-negara seperti US, China, Jepun, Korea, dan juga negara-negara di Timur Tengah. Oleh itu, mereka akan terus bekerjasama dengan pembeli dan pengguna akhir untuk mencapai kemampanan bersama.
2. Kumpulan UMW mencatatkan lonjakan ketara jualan automotif pada September, naik lebih 100 peratus berbanding hanya 9,512 unit pada Ogos. Ia susulan pembukaan semula operasi secara beransur-ansur serta kelonggaran terhadap

sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP) mulai 16 Ogos 2021. UMW Corp Sdn Bhd akan terus meningkatkan jumlah pengeluaran bagi mempercepatkan penghantaran pesanan yang tergendala. UMWT mencatatkan peningkatan jualan kenderaan sebanyak tiga kali ganda kepada 8,033 unit pada September 2021. Ini menjadikan jumlah penjualan daripada Januari sehingga September 2021 adalah 23.5 peratus lebih tinggi berbanding 37,339 unit pada tempoh sama tahun lalu. PERODUA merekodkan peningkatan lebih dua kali ganda pada September 2021, berbanding 6,988 unit pada Ogos 2021. Selain itu, seiring dengan pembukaan semula operasi automotif secara beransur-ansur, PERODUA akan meneruskan usaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi permintaan pelanggannya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan kadar vaksinasi di seluruh dunia telah menyebabkan permintaan sarung tangan getah menurun dibandingkan dengan fasa pandemik sebelum ini. Pada masa yang sama, pengeluar sarung tangan dari China mengeluarkan sarung tangan secara agresif dan mereka juga sudah pun melakukan perang harga untuk meraih penguasaan pasaran. Situasi ini akan memberi kesan kepada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran terutamanya Akaun Barang. Pada suku tahun kedua 2021, Akaun Barang mencatatkan lebih RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya.
2. Peningkatan penjualan kereta susulan dari pembukaan semula operasi secara beransur-ansur serta kelonggaran terhadap sekatan Perintah Kawalan Pergerakan Penuh (PKPP) mulai 16 Ogos 2021 membawa kepada peningkatan pengeluaran oleh pengeluar-pengeluar kereta bagi memenuhi permintaan pelanggan. Ini akan memberi kesan kepada penyusunan Akaun Perkhidmatan terutamanya komponen caj penggunaan harta intelek. Pada suku tahun kedua 2021, komponen ini mencatatkan defisit RM2.4 bilion berbanding RM2.3 bilion pada suku sebelumnya.

F.	Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 13 Oktober 2021 (Non-essential)	Belanjawan 2022 perkasa ekonomi, PMKS, agenda wanita Kerajaan akan memberi penekanan utama untuk mengembangkan pertumbuhan Malaysia dalam Belanjawan 2022 yang akan datang ketika negara bergerak ke arah pemulihan dan	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/875840/belanjawan-2022-perkasa-ekonomi-pmks-agenda-wanita

		<p>peralihan daripada pandemik COVID-19.</p> <p>Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pendigitalan dan agenda wanita akan terus diberi keutamaan dalam Belanjawan 2022 yang bakal melengkapkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).</p> <p>Jumlah perbelanjaan kerajaan bagi kesihatan meningkat sepanjang dekad lepas, hampir berganda daripada RM33 bilion atau 4.0 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada 2010 kepada kira-kira RM64 bilion atau lebih 4.3 peratus daripada KDNK pada 2019. Pada 2021 sahaja, peruntukan bagi sektor ini meningkat kepada 5.0 peratus daripada KDNK.</p>	
2.	Berita Harian 12 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Penyertaan dalam industri elektronik jana dagangan</p> <p>Peningkatan penyertaan dari kalangan syarikat tempatan dalam rantaian nilai industri elektrik dan elektronik (E&E) boleh melonjakkan lagi prestasi perdagangan Malaysia dan mengurangkan aliran keluar mata wang dalam bergerak ke hadapan.</p> <p>Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) sehingga kini, semakin banyak syarikat tempatan telah memulakan perniagaan mereka selepas memperoleh kemahiran</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/875403/penyertaan-dalam-industri-elektronik-jana-dagangan

	teknikal dan pengetahuan semasa berkhidmat dengan syarikat multinasional (MNC).	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan akan memberi penekanan utama untuk mengembangkan pertumbuhan Malaysia dalam Belanjawan 2022 yang akan datang ketika negara bergerak ke arah pemulihan dan peralihan daripada pandemik COVID-19. Keutamaan diberikan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pendigitalan dan agenda wanita dalam Belanjawan 2022 yang bakal melengkapkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Sementara itu, jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi sektor kesihatan meningkat sepanjang dekad lepas, hampir berganda daripada RM33 bilion atau 4.0 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada 2010 kepada kira-kira RM64 bilion atau lebih 4.3 peratus daripada KDNK pada 2019.
2. Peningkatan penyertaan dari kalangan syarikat tempatan dalam rantaian nilai industri elektrik dan elektronik (E&E) akan melonjakkan lagi prestasi perdagangan Malaysia dan mengurangkan aliran keluar mata wang dalam bergerak ke hadapan. Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) sehingga kini, semakin banyak syarikat tempatan telah memulakan perniagaan mereka selepas memperoleh kemahiran teknikal dan pengetahuan semasa berkhidmat dengan syarikat multinasional (MNC).

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan terus komited untuk memastikan pemulihan ekonomi yang terjamin serta pertumbuhan yang mapan semasa peralihan daripada pandemik COVID-19. Penekanan utama diberikan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), pendigitalan dan agenda wanita dalam Belanjawan 2022 yang akan diumumkan pada 29 Oktober 2021. Sementara itu, Kerajaan turut mengambil peluang untuk menambahbaik penjagaan kesihatan awam melalui akses kesihatan dan liputan menyeluruh kepada rakyat, dicerminkan oleh peningkatan perbelanjaan Kerajaan bagi sektor kesihatan.
2. Penyertaan syarikat tempatan dalam rantaian nilai industri elektrik dan elektronik (E&E) akan memberi impak positif dengan menghasilkan aktiviti dan produk tambah nilai yang tinggi, penggunaan teknologi canggih, penyelidikan dan pembangunan serta berinovasi. Secara tidak langsung mewujudkan pekerjaan berkemahiran tinggi serta mendorong negara

<p>mencapai status berpendapatan tinggi. Seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang memberi tumpuan kepada industri berpotensi tinggi seperti sektor elektrik dan elektronik canggih untuk memacu ekonomi ke hadapan dan mewujudkan peluang ekonomi.</p>			
G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Utusan 13 Oktober 2021 (Essential)	Harga petrol RON97 naik 10 sen Harga runcit petrol RON95 dan diesel kekal pada harga RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter bagi tempoh bermula esok sehingga 20 Oktober ini. Harga runcit petrol RON97 naik 10 sen kepada harga RM2.87 seliter berbanding RM2.77 seliter minggu lalu.	https://www.utusan.com.my/berita/2021/10/harga-petrol-ron97-naik-10-sen/
2.	Utusan 14 Oktober 2021 (Essential)	Harga dedak mahal, penternak kurangkan jumlah ternakan Kegagalan mengawal harga dedak yang kini mencecah RM115 bagi setiap 50 kilogram telah memberi kesan besar kepada kelangsungan industri ternakan ayam yang didakwa berdepan masalah kekurangan bekalan di pasaran.	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/harga-dedak-mahal-penternak-kurangkan-jumlah-ternakan/
3.	ASTRO AWANI 12 Oktober 2021 (Essential)	Rentas negeri; Kapal terbang, bas atau kereta api? Dengan perjalanan rentas negeri dibenarkan, sektor pengangkutan awam khususnya penerbangan, mula menawarkan pelbagai promosi menarik bagi menampung permintaan yang pastinya semakin meningkat.	https://www.astroawani.com/gaya-hidup-rentas-negeri-kapal-terbang-bas-atau-kereta-api-324834

Penemuan penting & isu:

1. Harga runcit petrol RON95 dan diesel kekal pada harga RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter bagi tempoh bermula esok sehingga 20 Oktober ini. Harga runcit petrol RON97 naik 10 sen kepada harga RM2.87 seliter berbanding RM2.77 seliter minggu lalu. Kerajaan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.
2. Kegagalan mengawal harga dedak yang kini mencecah RM115 bagi setiap 50 kilogram telah memberi kesan besar kepada kelangsungan industri ternakan ayam yang didakwa berdepan masalah kekurangan bekalan di pasaran. Kenaikan harga makanan utama ayam itu yang berlaku setiap bulan menyebabkan penternak tiada pilihan dengan menaikkan harga belian di ladang kepada RM6.50 sekilogram bagi menampung kerugian. Ekoran harga dedak mahal, ia turut memberi kesan kepada bekalan anak ayam yang kini berharga RM2.20 seekor berbanding RM1.40 sebelum ini.
3. Malaysia Airlines menawarkan tiket penerbangan serendah RM59 sehala serta diskaun sehingga 50 peratus bagi pakej MHholiday sempena dengan kebenaran rentas negeri yang diberikan kerajaan. AirAsia menawarkan tambang rendah dari RM12 dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang, Johor Bahru, Terengganu dan Kota Bharu.

Maklumbalas Bahagian:

1. Peningkatan harga mingguan RON97 pada minggu kedua Oktober 2021 dijangka akan meningkatkan inflasi Oktober 2021 terutamanya bagi kumpulan Pengangkutan berikutan purata harga RON97 yang lebih tinggi berbanding tahun 2020. Purata harga RON97 pada September 2021 ialah RM2.73 berbanding RM1.98 pada September 2020.
2. Kenaikan harga dedak secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada harga ayam, sekaligus memberi impak kepada kenaikan indeks item ayam. Indeks item ayam pada Ogos 2021 mencatatkan penurunan negatif 0.2 peratus dan ianya dijangkakan meningkat pada September 2021 dan berterus sehingga Oktober 2021 sekiranya harga ayam masih tinggi.
3. Harga tiket penerbangan dijangka menurun berikutan pelbagai diskaun ditawarkan setelah kebenaran rentas negeri diumumkan oleh kerajaan. Penurunan harga tiket ini bakal memberi kesan kepada indeks harga pengeluar perkhidmatan sektor pengangkutan penumpang udara pada suku keempat tahun 2021. Ianya juga akan memberi keredaan kepada Indeks bagi kelas perbelanjaan Pengangkutan Awam menggunakan laluan udara (Ogos 2021: -20.5).

H.	Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 13 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>COVID-19: 7,950 kes baharu dilaporkan</p> <p>Sebanyak 7,950 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan, hari ini, menjadikan jumlah keseluruhannya kini mencecah 2,361,529 kes. Ia mencatat sedikit peningkatan berbanding 7,276 kes baharu, semalam.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/875663/covid-19-7950-kes-baharu-dilaporkan
2.	Berita Harian 13 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>Sarawak mula beri vaksin dos ketiga dan penggalak hari ini</p> <p>Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak (JKNS) memulakan pemberian dos ketiga dan dos penggalak vaksin COVID-19 jenis Pfizer bermula hari ini di seluruh negeri melalui proses janji temu kepada golongan yang layak.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sarawak-mula-beri-vaksin-dos-ketiga-dan-penggalak-hari-ini-325118
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Daripada 7,950 kes harian yang dilaporkan pada hari ini; <ul style="list-style-type: none"> 133 kes (1.7 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5; dan 7,817 kes (98.3 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2. Suntikan dos ketiga akan diberikan kepada 11,900 individu disasarkan daripada golongan ‘immunocompromised’ atau mempunyai sistem imun (ketahanan badan) yang lemah akibat penyakit atau rawatan perubatan. Pemberian dos ketiga ini boleh diberikan selang tempoh sekurang-kurangnya 28 hari selepas penerimaan dos kedua. 			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah: <ul style="list-style-type: none"> Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian); 			

- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 13 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Pelajar IPT kembali ke kampus dengan SOP ketat Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kembali ke kampus untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka selepas beberapa bulan mengikuti kelas secara maya akibat penularan pandemik COVID-19 bermula 15 Oktober 2021. Semua garis panduan kemasukan dan keberadaan di dalam kampus dan prosedur operasi standard (SOP) disediakan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan mendapat kelulusan Majlis Keselamatan Negara (MKN).	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/765873/pelajar-ipt-kembali-ke-kampus-dengan-sop-ketat

Penemuan penting & isu:

1. Pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) kembali ke kampus untuk mengikuti pembelajaran secara bersemuka selepas beberapa bulan mengikuti kelas secara maya akibat penularan pandemik COVID-19 bermula 15 Oktober 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Penuntut dan staf akademik IPT haruslah mengikut SOP yang ditetapkan bagi memastikan pembelajaran secara bersemuka dijalankan dalam keadaan yang selamat kepada semua pihak. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan penuntut dan staf akademik di universiti awam pada 2019 adalah masing-masing seramai 567,625 orang dan 31,626 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Kosmo Online 13 Oktober 2021 (Essential)	Pahang bakal jadi pengeluar utama cendawan tiram kelabu Pahang disasarkan menjadi antara pengeluar utama cendawan tiram kelabu negara melalui projek penanaman cendawan berkenaan yang sedang giat diusahakan oleh ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) seluruh negeri.	https://www.kosmo.com.my/2021/10/13/pahang-bakal-jadi-pengeluar-utama-cendawan-tiram-kelabu/

Penemuan penting & isu:

1. Terdapat tiga PPK yang terlibat dengan projek penanaman cendawan tiram kelabu iaitu PPK Kuantan Utara, PPK Pekan dan PPK Merapoh yang mengusahakan sebanyak 105,000 bongkah dengan hasil 760 kilogram cendawan seminggu. Cendawan tiram kelabu dari benih mampu dituai antara lima hingga enam kali setahun. Daripada 25,000 bongkah yang diusahakan, anggaran hasil sehingga lima tan setahun dengan pulangan dianggarkan sebanyak RM60,000. Cendawan tidak menghadapi masalah dalam aspek pemasaran kerana permintaannya cukup tinggi.

Di bawah pakej rangsangan ekonomi berikutan wabak COVID-19 tahun lalu bantuan khas sebanyak RM200,000 disediakan kerajaan kepada setiap PPK dalam usaha merancakkan semula sektor pertanian yang terjejas sebelum ini. Pada tahun ini LPP Pahang menerima peruntukan sebanyak RM4.5 juta bagi

membantu 22 PPK seluruh negeri menjayakan projek berdaya maju antaranya sektor pertanian, ternakan dan akuakultur. Daripada jumlah itu LPP menyediakan peruntukan sebanyak RM520,000 untuk menjayakan projek tanaman cendawan oleh PPK Pekan, PPK Kuantan Utara dan PPK Merapoh.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan kepada Perangkaan Agromakanan 2019, pengeluaran cendawan daripada 5,589 tan metrik pada 2018 kepada 8,798 tan metrik pada 2019 (peningkatan sebanyak 57.4%). Keluasan bertanam meningkat dari 231 hektar kepada 233 hektar pada tempoh yang sama.

Bantuan menerusi pakej rangsangan ekonomi yang telah diperkenalkan tahun lalu diharapkan akan terus dipergiat bagi merancakkan semula mana-mana sektor Pertanian yang terjejas sebelum ini berikutan pandemik COVID-19, demi meningkatkan hasil pengeluaran tempatan serta mengurangkan kebergantungan import negara.

K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 13 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Malaysia Airlines diunjur berkembang kukuh, tidak hadapi kekurangan pekerja Malaysia Airlines Bhd (MAB) mengunjurkan kembali berkembang kukuh dalam perniagaan dan operasi akan berjalan lancar serta tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja selepas rentas negeri dibenarkan yang berkuat kuasa pada 11 Oktober. MAB bersolidariti dengan mengekalkan pekerja bagi melakukan persediaan berikutan perjalanan udara kembali beroperasi walaupun menghadapi cabaran akibat pandemik COVID-19. MAB kini menggaji kira-kira 11,000 pekerja termasuk 1,049 juruterbang dan 2,034 kru kabin.	https://www.astroawani.com/berita-bisnes/malaysia-airlines-diujur-berkembang-kukuh-tidak-hadapi-kekurangan-pekerja-325021

2.	<p>The Edge Market 12 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>COVID-19: 165,000 made jobless in Selangor as at June 2021</p> <p>Selangor recorded an unemployment rate of 4.4% or 165,000 unemployed persons as at June this year, following the COVID-19 pandemic. Selangor Government intend to reduce the number through “Jelajah Selangor Bekerja 2021” program with nearly 25,000 jobs up for grab.</p> <p>The programme involving 200 companies and the tour would start from Oct 23 to December 2021. Jobs offered would mostly in the aerospace industry, services, manufacturing, electronics, and management sectors.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/165000-made-jobless-selangor-june-2021</p>
3.	<p>Astro Awani 12 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>37,415 usahawan gulung tikar sepanjang tempoh pandemik - Noh</p> <p>Sebanyak 37,415 usahawan terpaksa gulung tikar sepanjang tempoh pandemik. Sebanyak 26,007 melibatkan usahawan mikro manakala bakinya 2,738 adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Pengumuman ini merupakan langkah yang terbaik dan peluang kepada rakyat terutamanya usahawan perusahaan mikro kecil dan sederhana bagi memulihkan perniagaan dan meneruskan kelangsungan hidup</p>	<p>https://www.astroawani.com/berita-bisnes/37415-usahawan-gulung-tikar-sepanjang-tempoh-pandemik-noh-324919</p>

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia Airlines Bhd (MAB) mengunjurkan operasi akan berjalan lancar serta tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga kerja selepas rentas negeri dibenarkan bermula 11 Oktober. MAB kini mempunyai kira-kira 11,000 pekerja termasuk 1,049 juruterbang dan 2,034 kru kabin.
2. Selangor mencatatkan kadar pengangguran 4.4 peratus atau 165 ribu penganggur pada Jun 2021 berikutan krisis pandemik. Justeru, kerajaan negeri menganjurkan program Jelajah Selangor Bekerja 2021 yang menyediakan 25 ribu peluang pekerjaan. Program ini melibatkan 200 syarikat yang akan bermula pada 23 Oktober hingga Disember 2021. Peluang pekerjaan meliputi sektor perkhidmatan, pembuatan, elektronik dan sebagainya.
3. Sebanyak 37,415 usahawan terpaksa gulung tikar sepanjang tempoh pandemik. Ia melibatkan 26,007 usahawan mikro manakala baki 2,738 adalah perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Maklumbalas Bahagian:

1. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Ogos 2021 yang diterbitkan pada 8 Oktober 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,125.4 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,376.6 ribu
 - iii) Penganggur: 748.8 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,448.5 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.4 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus
2. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu

- | | |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> iii) Kekosongan: 178.0 ribu iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu v) Kadar jawatan diisi: 97.9% vi) Kadar kekosongan: 2.1% | <p>4. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%) ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%) iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%) iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%) v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%) vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%) <p>5. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2020 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Pertanian: 779 ribu orang (Sumbangan: 10.7%) ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%) iii) Pembuatan: 1,187 ribu orang (Sumbangan: 16.4%) iv) Pembinaan: 673 ribu orang (Sumbangan: 9.3%) v) Perkhidmatan: 4,593 ribu orang (Sumbangan: 63.3%) vi) Jumlah: 7,253 ribu orang (Sumbangan: 100.0%) |
|---|--|